



Kempen kesedaran bahaya dadah perlu berterusan

Oleh NORILA DAUD

pengarang@utusan.com.my

KEMPEN dan program kesedaran bahaya penyalahgunaan dadah perlu dilakukan secara berterusan. Oleh itu, penglibatan semua diperlukan termasuklah pihak media dengan bantuan kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) pihak swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Usaha ini perlu terus dipertingkatkan dalam kalangan orang ramai khususnya generasi muda berikutan *modus operandi* dan kaedah pengedaran dadah yang sentiasa berubah.

Presiden Persatuan PENGASIH Malaysia, Datuk Mohd. Yunus Pathi berkata, satu ketika dahulu kawasan Chow Kit dan Bukit Bintang merupakan sarang dadah tetapi hari ini, mereka hanya menunggu di satu-satu tempat yang ditetapkan menggunakan khidmat *WhatsApp* dalam telefon bimbit.

Kata beliau, persekitaran pada hari ini masih tidak mampu memberi jaminan yang selamat terhadap golongan muda daripada ancaman najis dadah.

Menurut Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Zahid Hamidi baru-baru ini, terdapat 1.4 juta penduduk terlibat dalam penyalahgunaan dadah termasuk 21,227 penagih berdaftar dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) pada tahun 2014.

Berdasarkan perangkaan Jabatan Penjara, sebanyak 42 peratus daripada 49,200 banduan di seluruh negara terdiri daripada mereka yang melakukan kesalahan melibatkan dadah termasuk mengedar, memproses dan menggunakan dadah.

"Hari ini terdapat dua bentuk penyalahgunaan dadah iaitu pengguna dan penagih dadah. Pengguna mengambil dadah pada hujung minggu dengan tujuan berhibur di pusat-pusat hiburan. Mereka



MOHD. YUNUS menunjukkan pusat pemulihan dan latihan PENGASIH yang sedang dalam pembinaan di kawasan seluas 14 ekar di Kampung Cinta Manis di Bentong, Pahang.

menggunakan pil kuda (*designers drug*) dan pil ekstasi. Jika tabiat ini berterusan, mereka akan menjadi penagih dadah.

"Apa yang menjadi kerisauan kami adalah golongan yang pada awalnya sekadar ingin mencuba tetapi berakhir menjadi penagih.

"Jika 10 tahun dahulu, tidak terdapat istilah pengguna dadah kerana yang ada hanya penagih dadah jenis morfin dan heroin. Namun hari ini, generasi muda menjadi pengguna dadah kerana menggunakan 'dadah perangsang' yang jika terlebih dos boleh mengakibatkan kematian," kata Mohd. Yunus ketika ditemui di pejabatnya di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Mohd. Yunus memberitahu, di pusat pemulihan PENGASIH yang terletak di Jalan Syers, Kuala Lumpur terdapat 110 pelatih yang terdiri daripada 10 wanita dan 100 lelaki.

Pelatih wanita berusia antara 20 hingga 30 tahun manakala lelaki antara 20 hingga 50 tahun yang mempunyai pelbagai latar belakang termasuk ahli perniagaan, pekerja kilang, jurutera, arkitek dan doktor.

Beliau berkata, kira-kira 30 hing-

ga 40 peratus pelatih yang datang ke pusat pemulihan itu adalah golongan yang tidak lagi mampu membeli dadah jenis syabu, *apetamin*, *centamin* dan pil kuda yang dibeli dari sempadan Thailand, Perlis dan Kedah.

Ujarnya, kemasukan pelatih ke pusat itu biasanya diuruskan oleh ibu bapa, isteri atau suami dan pihak majikan yang mahu melihat mereka kembali menjalani kehidupan tanpa dadah.

"PENGASIH mempunyai 7,000 pelatih sejak tahun 1991 hingga 2015. Daripada jumlah itu, sebanyak 70 peratus berjaya dipulihkan sepenuhnya manakala 30 peratus lagi kembali kepada tabiat lama," ujar Mohd. Yunus yang memiliki Diploma Kaunseling Penyalahgunaan Bahan-bahan Terlarang dari University Daytop International, New York, Amerika Syarikat.

Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pegawai Luar di Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri pada tahun 1986 hingga 1995.

Selain keinsafan sebagai seorang bekas penagih, Mohd. Yunus mengakui, ilham menubuhkan

PENGASIH pada 1991 timbul selepas penglibatan beliau dalam program ceramah dan motivasi kepada golongan penagih di negara ini.

Sementara itu, beliau berkata, Persatuan PENGASIH sedang membina sebuah lagi pusat pemulihan/latihan dengan kerjasama ACREDA atau *Asia Centre for Research on Drug Addiction and Alcoholism*, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk melatih-pelatih dari Asia.

Kata beliau, projek PENGASIH yang sedang dalam pembinaan di kawasan seluas 14 ekar di Kampung Cinta Manis di Bentong, Pahang itu akan mengendalikan kursus dalam Bahasa Inggeris untuk petugas-petugas pemulihan dari luar negara dan kursus persijilan nasional untuk tenaga tempatan.

Projek PENGASIH yang baharu itu dianggarkan mampu menempatkan 300 pelatih dalam satu-satu masa berbanding hanya 100 orang di ibu pejabat PENGASIH di Kuala Lumpur hari ini.

Sehubungan itu, Mohd. Yunus memohon agar pihak kerajaan, syarikat-syarikat swasta, GLC dan orang ramai turut membantu dalam pembelian peralatan untuk kegunaan pusat latihan dan pemulihan di bangunan baharu PENGASIH.

"Tanpa sumbangan daripada orang ramai, adalah mustahil kita boleh meneruskan usaha murni ini.

"Perbelanjaan bulanan dianggarkan mencecah RM2.4 juta setahun," katanya.

Beliau menambah, sebanyak 60 pelajar dari lapan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) telah menjadi Sahabat PENGASIH setelah menyertai empat bengkel yang diadakan di Ibu Pejabat PENGASIH di Kuala Lumpur pada penghujung tahun 2014.

PENGASIH juga sedang bekerjasama dengan Institut Latihan Perindustrian dan Institut Vokasional bagi mendapatkan lebih ramai pelajar menjadi Sahabat PENGASIH untuk membantu rakan-rakan sebaya jika mereka menghadapi masalah penagihan dadah.